

Headline	Tujuh lokasi menarik di KL		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	19 Dec 2020	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	107,609
Page No	24	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	1225 cm ²
Journalist	INTAN SUHANA CHE	AdValue	RM 50,092
Frequency	Daily	PR Value	RM 150,276



RUMAH KARTUN & KOMIK MALAYSIA

KALAU ingin mengimbas nostalgia zaman kegemilangan komik, bolehlah berkunjung ke Rumah Kartun dan Komik Malaysia. Terletak di Taman Tasik Perdana, rumah berkenaan dibuka sejak 1 April 2017 sempena Hari Kartunis Semalaysia 2017.

Lebih 500 karya kartunis tempatan dan terkenal dipamerkan antaranya Datuk Mohamad Nor Khalid atau LAT, Sulaiman Awang, Raja Hamzah, Osman Baru serta ramai lagi, berkonsepkan santai dan informatif.

Galeri seakan muzium berkeluasan 1,000 kaki persegi ini disediakan khas untuk peminat komik zaman dahulu khususnya peminat komik era 1980-an seperti majalah Ujang, Gila-Gila, Geli Hati, Kampung Boy serta Dan Den Don. Tiket masuk hanya bernilai RM5.

Manfaat cuti sekolah makan angin dalam negara

Tujuh lokasi menarik di KL

Oleh **INTAN SUHANA CHE OMAR**

intan.suhana@mediamulia.com.my

HUJUNG tahun hampir tiba, rasa nak bercuti tapi tak tahu ke mana? Pintu sempadan

pun belum di buka dek Covid-19 yang seakan tidak mahu berganjak pergi. Tak perlu pening kepala! Kotaraya Kuala Lumpur sudah cukup mempunyai pelbagai tempat menarik untuk dilawati dan bersantai bersama rakan-rakan atau keluarga tersayang.

Pelbagai tempat riadah boleh dipilih, dari berkonsepkan keindahan alam hingga ke tempat bergambar atau 'OOTD' boleh didapati di sini. Berikut kami senaraikan untuk anda. Selamat bercuti.

Headline	Tujuh lokasi menarik di KL		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	19 Dec 2020	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	107,609
Page No	24	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	1225 cm ²
Journalist	INTAN SUHANA CHE	AdValue	RM 50,092
Frequency	Daily	PR Value	RM 150,276



MINI ZOO MENARA KL

AHLI keluarga dengan anak kecil mungkin boleh memasukkan Menara KL Mini Zoo sebagai salah satu destinasi wajib dikunjungi lewat cuti persekolahan ini. Terletak di kaki Menara KL, anak kecil pasti seronok mendekati haiwan jinak dan comel di situ seperti arnab dan kura-kura.

Lebih menyeronokkan apabila anak-anak dapat menyentuh, memberi makan dan berinteraksi dengan haiwan-haiwan ini sekaligus dapat merangsang deria pembelajaran mereka. Jadi rugi kalau tak pergi sini.

Headline	Tujuh lokasi menarik di KL		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	19 Dec 2020	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	107,609
Page No	24	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	1225 cm ²
Journalist	INTAN SUHANA CHE	AdValue	RM 50,092
Frequency	Daily	PR Value	RM 150,276


MUZIUM KESENIAN ISLAM

MUNGKIN ramai belum tahu, di tengah bandaraya ini juga terdapat Muzium Kesenian Islam tersergam indah berhampiran Masjid Negara. Muzium ini dibuka kepada umum pada 12 Disember 1998 dan menempatkan lebih daripada tujuh ribu artifak serta perpustakaan buku-buku seni Islam menarik.

Pengunjung boleh menikmati

keindahan peradaban dunia Islam dari Timur seperti India, China dan negara Asia Tenggara sebaik sahaja melangkah masuk ke dalam muzium penuh bersejarah ini.

Selain artifak, info-info menarik turut disediakan bagi memudahkan pengunjung memahami serta mendalami keindahan khazanah warisan Islam.



Headline	Tujuh lokasi menarik di KL		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	19 Dec 2020	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	107,609
Page No	24	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	1225 cm ²
Journalist	INTAN SUHANA CHE	AdValue	RM 50,092
Frequency	Daily	PR Value	RM 150,276



GALERI OUR ARTPROJECTS

SUKAKAN seni kontemporari? Bertempat di bangunan Zhongshan di Kampung Attap, hab seni visual di KL ini direalisasikan oleh OUR ArtProjects. Bangunan Zhongshan ini adalah sebuah rumah kedai lama tahun 1950-an yang telah

diperbaharui dan dijadikan galeri seni. Dalam bangunan sama turut terdapat Malaysia Design Archive, Bogus Merchandise, Artist Studio, Rumah Attap Library dan *Collectivee cafe* dan pelbagai lagi untuk dilawati.

Di tingkat dua bangunan pula menempatkan *Tandang Store* khas buat peminat muzik. Kedai itu dipenuhi dengan vinyl, buku, kaset dan pelbagai barangan berkaitan muzik yang pastinya mengujakan pencinta seni muzik.

JEJANTAS RIMBA

BAGI pencinta alam sekitar gemar menikmati keindahan hutan hijau boleh melawat Jejantas Rimba Penyelidik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) terletak di Taman Botani, Kepong.

Turut dikenali sebagai *Forest Skywalk*, ia berukuran 18 hingga 50 meter (m) tinggi dan 250m panjang dengan menyajikan keindahan pemandangan hutan buatan FRIM.

Ada menara peninjau membolehkan pengunjung menikmati pemandangan sejauh lebih kurang 30 kilometer (km) serta bangunan-bangunan sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya seperti Menara KLCC, Menara KL, Menara Tun Razak Exchange dan Menara Telekom Malaysia.

Tidak usah risau mengenai penjarakan kerana bagi mengelakkan penularan Covid-19, FRIM menggunakan sistem kupon untuk mengawal bilangan pelawat pada setiap sesi lawatan.

